

## KATA ADJEKTIF

Isi tempat kosong dengan jawapan yang paling sesuai.

- 1 Kakak \_\_\_\_\_ melihat kelakuan adik yang suka bercakap bohong.  
A risau C sedih  
B gembira D bising
- 2 Pengemis itu makan dengan \_\_\_\_\_ kerana terlalu lapar.  
A perlahan C gelojoh  
B aman D comel
- 3 Beberapa batang pokok manggis di kebun datuk berbuah \_\_\_\_\_.  
A kuat C lebat  
B kaya D rendang
- 4 Ibu menyapu daun-daun yang \_\_\_\_\_ itu.  
A gugur C hancur  
B jatuh D musnah
- 5 Pemandu kenderaan dikehendaki berhati-hati ketika melalui jalan lereng bukit yang \_\_\_\_\_ itu.  
A dalam C pendek  
B curam D rendah
- 6 Sarah terlalu \_\_\_\_\_ apabila mendapat kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan.  
A malu C gembira  
B bising D kecewa

*Soalan 7 berdasarkan gambar di bawah.*



- 7 Buku-buku di atas meja itu \_\_\_\_\_ kerana tidak kemas.  
A berguguran C berselerak  
B bertaburan D berlonggok

8 Kuda adalah antara haiwan yang\_\_\_\_\_ berlari.  
A cepat C hampir  
B hebat D pantas

9 Warna \_\_\_\_\_ pada bendera Malaysia membawa maksud perpaduan antara rakyat yang berbilang kaum.  
A biru C putih  
B merah D kuning

10 Penyanyi yang diminati ramai itu mempunyai suara yang sangat \_\_\_\_\_.  
A kasar C kabur  
B jelas D merdu


11 Ruang tamu rumah kami menjadi lebih \_\_\_\_\_ setelah ayah membeli perabot baharu.  
A segar C segak  
B ceria D meriah

12 Daging kambing yang belum dicuci itu berbau \_\_\_\_\_.  
A busuk C hamis  
B hapak D tengik

- 13 Puan Kamariah berasa \_\_\_\_\_ kerana anaknya masih belum pulang sedangkan hari sudah malam.
- A risau C bingung  
B rimas D kecawa
- 14 Zaidi terpaksa menghentikan lariannya pada jarak 150 meter kerana kakinya \_\_\_\_\_.  
A kaku C kebas  
B kejang D keras
- 15 Suasana rumah Mak Siah yang \_\_\_\_\_ itu menyebabkan kami berasa seram.
- A pudar C kusam  
B muram D suram
- 16 Hubungan antara Lisa dan Venessa menjadi \_\_\_\_\_ selepas pergaduhan itu.  
A beku C sunyi  
B sejuk D dingin
- 17 Proses mlarik perabot-perabot kayu itu dibuat dengan \_\_\_\_\_ oleh pekerja-pekerja yang mahir.
- A teliti C hemat  
B tepat D saksama
- 18 Hujah-hujah yang disampaikan oleh pemidato pertama itu sungguh\_\_\_\_\_ dan tepat.
- A sarat C mampat  
B terguh D bernas
- 19 Pelancong dari negara Jepun itu \_\_\_\_\_ berbahasa Melayu walaupun baru sebulan di negara kita.
- A laju C fasih  
B pelat D pandai
- 20 Tayar kereta Arun \_\_\_\_\_ tercucuk paku.
- A tiris C kemik  
B pecah D kempis

- 21 Encik Latif mendirikan sebuah banglo di atas tanah pusaka keluarganya yang \_\_\_\_\_ itu.
- A luas C besar  
B landai D lapang
- 22 Gelanggang takraw yang terletak di hujung Taman Manis itu sentiasa \_\_\_\_\_.  
A rapat C dekat  
B bersih D cermat

Soalan 23 berdasarkan gambar di bawah.



- 23 Suzana gemar memakai baju kurung yang \_\_\_\_\_.  
A panjang C labuh  
B singkat D besar
- 24 Hujan \_\_\_\_\_ yang turun menyebabkan banjir kilat berlaku di Kampung Raja.  
A lebat C lambat  
B deras D perlahan
- 25 Semua orang di dalam surau itu mendengar ceramah agama dengan \_\_\_\_\_.  
A khusyuk C ghairah  
B tawaduk D leka
- 26 Haji Deraman mengeluarkan padi yang \_\_\_\_\_ itu dari dalam kepuk untuk diberi kepada ayam-ayamnya.  
A tua C tegak  
B uzur D usang

- 27 Amelia \_\_\_\_\_ akan kecantikan rakannya yang digilai ramai lelaki.

A benci C dendam  
B marah D cemburu

28 Walaupun harganya mahal, barang itu bermutu\_\_\_\_\_.

A luas C tinggi  
B besar D cantik

29 Pak Ali termenung di jendela sambil mengimbau kenangan \_\_\_\_\_.

A esok C kini  
B dulu D silam

30 Sikapnya yang suka menunjuk-nunjuk itu membuatkan dia di \_\_\_\_\_ oleh rakan-rakannya.

A hina C benci  
B malu D dengki

31 Gunung Kinabalu ialah gunung yang\_\_\_\_\_ sekali di Malaysia.

A tinggi C rendah  
B pendek D panjang

32 "Wah, \_\_\_\_\_ sungguh Menara Berkembar Petronas ini!" kata Zhi Yang.

A rendah C tinggi  
B pendek D rendang

33 Saleh membaca buku sambil berehat di bawah pohon yang \_\_\_\_\_ itu.

A redup C rendang  
B renek D pendek

34 Pakaian yang disidai itu masih \_\_\_\_\_.

A lembab C sedap  
B panas D pedas

35 Ayah memakai baju yang berwarna-\_\_\_\_\_.

A kelabu C kasar  
B kering D warni

36 Bayi kembar Puan Puvaneswari itu sungguh\_\_\_\_\_.

- |          |         |
|----------|---------|
| A tampan | C comel |
| B hodoh  | D kacak |

37 Telur itik berbentuk\_\_\_\_\_.

- |             |           |
|-------------|-----------|
| A bulat     | C panjang |
| B segi tiga | D bujur   |

38 Banglo yang baru dibeli oleh ayah\_\_\_\_\_ dengan sekolah saya.

- |          |         |
|----------|---------|
| A jarang | C jarak |
| B dekat  | D besar |

39 Encik Rashid seorang peguam yang\_\_\_\_\_.

- |         |          |
|---------|----------|
| A tegas | C kasar  |
| B lemah | D tampan |

40 Ghayatiri\_\_\_\_\_ menghadapi setiap masalah yang menimpa keluarganya.

- |           |         |
|-----------|---------|
| A tenang  | C sedih |
| B gelojoh | D aman  |

41 Saya suka tinggal di kawasan desa kerana suasannya\_\_\_\_\_.

- |          |          |
|----------|----------|
| A bising | C tenang |
| B keruh  | D cantik |

42 Bubur nasi itu berbau\_\_\_\_\_ kerana terlalu lama dimasak.

- |          |          |
|----------|----------|
| A hangit | C busuk  |
| B wangi  | D tengik |

43 Biskut yang dibakar oleh ibu sangat\_\_\_\_\_.

- |         |          |
|---------|----------|
| A buruk | C sedap  |
| B kasar | D lembik |

44 Yusri belajar dengan\_\_\_\_\_ agar tidak menghamparkan harapan kedua-dua ibu bapanya.

- |         |         |
|---------|---------|
| A kuat  | C tekun |
| B lemah | D malas |

- 45 Ibu memotong buah itu dengan pisau yang \_\_\_\_\_.  
A buruk C tumpul  
B karat D tajam
- 46 Lauk ayam itu sudah \_\_\_\_\_ kerana ibu lupa untuk memanaskannya malam tadi.  
A masam C basi  
B busuk D hanyir
- 47 Udara di atas bukit ini \_\_\_\_\_ sekali.  
A sejuk C nyaman  
B panas D tenang
- 48 Sayur-sayuran di kebun Encik Ravi itu hidup \_\_\_\_\_ kerana dibaja dan dijaga dengan baik.  
A subur C kuat  
B layu D gemuk
- 49 Walaupun datuk sudah tua, beliau masih lagi \_\_\_\_\_ untuk berkebun.  
A lemah C kuat  
B cerah D sakit
- 50 Si Comel berbau \_\_\_\_\_ selepas dimandikan oleh kakak.  
A hanyir C harum  
B hancing D hapak